

D.R. 2/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994. rajak ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan bilion empat ratus empat puluh enam juta tujuh ratus enam puluh dua ribu tujuh ratus dua puluh tujuh ringgit (RM9,446,762,727) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1993, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993 dan Akta Perbekalan Tambahan (1993) (No. 2) 1993. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1993.
Akta A839
Akta A850
Akta A858
Akta A871.

- (2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1994.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus sembilan puluh tujuh juta satu ratus tujuh puluh enam ribu tiga ratus ringgit (RM297,176,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1994, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1994.

Akta A870

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 10	Jabatan Peguam Negara	4,958,700
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	35,828
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	1,342,800
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	19,650,000
B. 19	Kementerian Pertanian	21,700,000
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	6,664,300
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	9,931,300
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	916,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	93,971,200
B. 26	Kementerian Pendidikan	86,087,300
B. 28	Perbendaharaan	37,265,400
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	8,500,000
B. 30	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	9,000,000,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	3,258,995
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	7,720,700
B. 33	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	961,200
B. 34	Kementerian Kesihatan	52,515,130

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 36	Polis Diraja Malaysia	32,337,276
B. 37	Jabatan Imigresen	9,650,400
B. 38	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	273,000
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	4,564,600
B. 40	Jabatan Penjara	1,238,384
B. 41	Jabatan Pertahanan Awam	92,849
B. 46	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	9,762,300
B. 47	Kementerian Pengangkutan	24,737,300
B. 51	Kementerian Luar Negeri	8,627,765
	JUMLAH	<u>9,446,762,727</u>

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	3,766,300
B. 26	Kementerian Pendidikan	23,410,000
B. 52	Kementerian Kerja Raya	200,000,000
B. 53	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	70,000,000
	JUMLAH	<u>297,176,300</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1993 dan 1994 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1993) (No. 2) 1993 dan Akta Perbekalan 1994.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1823.]